



Tahap penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan Putrajaya

Nur Atiqah Kamarus Zaman¹, Habibah Ahmad¹, Nur Amirah Kamarus Zaman¹, Er Ah Choy¹, Hamzah Jusoh¹, Zaini Sakawi¹, Amriah Buang¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Correspondence: Habibah Ahmad (email: ha@ukm.edu.my)

Abstrak

Penglibatan penduduk merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan pelancongan sesebuah destinasi. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap penglibatan penduduk yang tinggal di Putrajaya dalam pembangunan pelancongan sama ada mereka telah mendapat faedah atau sebaliknya. Penglibatan penduduk dalam kajian ini dinilai dalam beberapa aspek iaitu dari segi tahap penggunaan penduduk terhadap produk dan kemudahan pelancongan, penglibatan penduduk selaku tuan rumah dalam aktiviti pelancongan dan penglibatan penduduk dalam keusahawanan pelancongan di Putrajaya. Satu kaji selidik ke atas 200 penduduk Putrajaya telah dijalankan di beberapa lokasi tumpuan penduduk seperti di kawasan perumahan pusat komuniti, medan selera, taman-taman dan kedai runcit. Dapatkan kajian menunjukkan penglibatan penduduk dalam aktiviti pelancongan adalah sederhana walaupun tahap sokongan adalah tinggi. Dengan usaha yang lebih bersepada dan inklusif, Putrajaya akan menjadi salah satu contoh untuk mempromosi penglibatan penduduk bandar dalam aktiviti pelancongan.

Katakunci: aktiviti pelancongan, pelancongan, penduduk, pembangunan pelancongan, penglibatan, Putrajaya

The level of residents' participation in tourism development in Putrajaya

Abstract

The residents' involvement is an important aspect in tourism development of a destination. This study was aimed to analyze the level of residents' involvement in tourism development in Putrajaya and to seek whether they have benefited or otherwise. The involvement of the residents in this study was assessed in several aspects; in the use of tourism product and the ease of travel, as the host in tourism activities and also as the tourism entrepreneurship in Putrajaya. A survey of 200 Putrajaya residents was conducted in several sites that have high concentration of tourist arrivals such as site of attractions, community centers, food courts, parks and grocery stores. The findings indicate the involvement of residents in tourism activities was satisfactory while their level of support was high. With the efforts of providing more integrated and inclusive tourism, Putrajaya would be one example to promote the involvement of the urban population in tourism activities.

Keywords: involvement, Putrajaya, residents, tourism, tourism activities, tourism development

Pengenalan

Penglibatan penduduk merupakan antara elemen terpenting dalam sebuah pembangunan pelancongan. Adalah penting setiap anggota komuniti terlibat dalam setiap aktiviti pembangunan pelancongan bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan destinasi pelancongan malah secara tidak langsung memberi faedah kepada penduduk setempat. Ahli akademik pelancongan telah menerokai secara terperinci penglibatan penduduk terhadap pembangunan pelancongan (Scheyvens, 2000; Dowling, 2002). Hal ini kerana, penduduk tempatan merupakan salah satu daripada pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan pelancongan.

Menurut Rina Ilyana (2007), penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat memberikan pelbagai impak positif kepada mereka. Buhalis (2003) menegaskan bahawa penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat membantu mereka meningkatkan lagi taraf ekonomi, sosial dan budaya. Penduduk akan mendapat peluang pekerjaan, menjual hasil produk tempatan dan mengusahakan lain-lain perusahaan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan (Mowforth, 2003; Timothy, 1999). Mereka juga akan memperoleh peluang untuk memperbaiki dan meningkatkan ekonomi hasil aktiviti pelancongan. Selain itu, mereka juga berpeluang untuk menambah pengetahuan dan pengalaman bagi meningkatkan lagi tahap sosial. Dari aspek peningkatan budaya pula, ia termasuklah peningkatan terhadap pemahaman dan penghargaan budaya, warisan dan nilai yang dipegang oleh penduduk tempatan itu sendiri. Selain itu, Zatul Iffah (2008) telah menyatakan bahawa perancangan pelancongan perlu melibatkan komuniti tempatan supaya dapat menyumbangkan kepada pembangunan mampan. Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan konflik antara penduduk tempatan dan pihak kerajaan dalam membangunkan aktiviti pelancongan.

Malah, Nurul Azhani (2008) menyatakan sekiranya pelancongan dilihat sebagai sesuatu yang akan memanfaatkan penduduk tempatan, maka ia juga seharusnya berkait dengan tindak balas penduduk tempatan, penglibatan dan juga sokongan mereka. Manakala Haliza (2010) dalam penulisannya mendapati masyarakat awam harus dilibatkan secara langsung dalam setiap proses pembangunan yang dirancang dan dijalankan di kawasan mereka dalam usaha mencapai pembangunan mapan. Namun, hasil kajian ini menunjukkan tahap penyertaan dan penglibatan penduduk setempat terhadap isu-isu persekitaran masih lagi minimum disebabkan kurangnya pengetahuan, pemahaman dan keterdedahan terhadap isu berkenaan. Beliau menyatakan masyarakat awam perlu diberi peluang dan ruang serta dibenarkan terlibat sama dalam proses perancangan, perlaksanaan, penilaian dasar dan program yang akan memberi kesan terhadap kehidupan mereka. Penglibatan dan kerjasama masyarakat peribumi dalam isu yang membabitkan persekitaran seperti hutan dalam kajian ini sangat penting kerana sebagai pihak yang berkepentingan yang mendiami kawasan tersebut, mereka biasanya mahir dan amat memahami keadaan persekitaran setempat di tempat yang mereka tinggal, justeru secara tidak langsung mereka dapat memberi dan menyumbang maklumat asas yang berguna bagi mengelak timbulnya masalah persekitaran yang lebih serius daripada pembangunan yang dijalankan.

Menurut Rina Ilyna (2007), penglibatan dari penduduk tempatan juga boleh dijadikan sebagai alat untuk memelihara keunikan yang ada dalam sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat berpegang pada adat yang diwarisi secara turun temurun dari generasi terdahulu melalui proses sosialisasi. Hampir semua golongan masyarakat kaya dengan pelbagai adat yang telah diatur oleh nenek moyang mereka sejak dari hari pertama kelahiran hingga saat kematian. Kajian Yahaya (2006, 2008) pula melihat penglibatan penduduk tempatan sebagai guna tenaga industri pelancongan pada masa kini amat menggalakkan. Penyertaan penduduk di dalam industri ini biasanya tertumpu di kawasan-kawasan pelancongan yang baru berkembang. Penduduk amat berminat untuk melibatkan diri memandangkan industri ini boleh menambahkan pendapatan mereka. Namun, masih terdapat golongan yang memandang negatif kepada industri ini yang pada anggapan mereka boleh menyebabkan penyakit sosial seperti kemasukan budaya kuning, pelacuran, perjudian dan, kadar jenayah yang meningkat.

Makalah ini bertujuan mengkaji tahap penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan Putrajaya. Penglibatan penduduk dalam kajian ini dinilai dalam beberapa aspek iaitu dari segi tahap

penggunaan penduduk terhadap produk dan kemudahan pelancongan, penglibatan penduduk selaku tuan rumah dalam aktiviti pelancongan dan penglibatan penduduk dalam keusahawanan pelancongan di Putrajaya. Aspek-aspek ini dinilai bagi menentukan tahap penglibatan penduduk dalam sektor pelancongan sama ada aktif atau pasif. Hal ini kerana, penglibatan penduduk amat penting dalam membantu menyemarakkan lagi sektor pelancongan di sesebuah destinasi.

Metodologi kajian

Kawasan kajian

Kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji iaitu kawasan perumahan dan kawasan tumpuan penduduk di sekitar Putrajaya. Pembangunan Putrajaya adalah dirancang demi memberikan penduduk taraf hidup yang lebih baik kepada penduduk. Melalui pembangunan yang terancang, penduduk pusat pentadbiran baru ini khususnya kakitangan awam berpeluang menjalankan kehidupan berkualiti dengan adanya kemudahan-kemudahan bersifat sepada. Perancangan pembangunan Pelan Induk Putrajaya yang lengkap dengan tempat kediaman, kompleks pentadbiran kerajaan dan tempat komersial memastikan pembangunan dijalankan secara terancang (Omairi, 2011). Walau bagaimanapun, komponen-komponen pembangunan di Putrajaya hanya melibatkan 30 peratus daripada keluasan keseluruhan di mana selebihnya dikekalkan sebagai alam semula jadi. Berdasarkan Pelan Induk Putrajaya, reka bentuk bandar raya Putrajaya telah dibahagikan kepada dua kawasan utama iaitu kawasan teras dan kawasan pinggir. Kawasan teras merangkumi keluasan seluas 1069 hektar dan dibahagikan kepada lima Presint yang dinamakan sebagai Presint Kerajaan, Persint Komersial, Presint Sivik dan Kebudayaan, Presint Pembangunan Campuran dan Presint Rekreasi dan Sukan (Perbadanan Putrajaya a; Perbadanan Putrajaya b). Selain itu, setiap presint dihubungkan dengan jalan utama sejauh 4.2km. Kawasan teras ini menjadi sebuah kawasan utama bagi acara-acara sambutan peringkat kebangsaan, festival dan acara kebudayaan. Manakala, kawasan pinggir Putrajaya mengandungi 15 kawasan dengan saiz-saiz pelbagai. 12 daripada 15 kawasan ini membentuk kawasan kediaman. Namun, kajian hanya dilakukan di beberapa lokasi tumpuan penduduk seperti kawasan perumahan, pusat komuniti, medan selera, taman-taman dan kedai runcit.

Data dan analisis

Kajian lapangan ke atas penduduk telah dilaksanakan pada 29 Oktober 2012 dan selesai sepenuhnya pada 30 November 2012 berasaskan soal selidik dan pemerhatian. Populasi kajian ini tertumpu kepada semua penduduk di sekitar Putrajaya dan sampel kajian adalah terdiri daripada beberapa penduduk yang terlibat iaitu seramai 72,413 orang (Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010). Daripada populasi tersebut, jumlah responden yang disasarkan adalah seramai 200 orang di beberapa lokasi tumpuan penduduk seperti kawasan perumahan, pusat komuniti, medan selera, taman-taman dan kedai runcit (Rujuk Jadual 1). Pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih responden kajian dengan melibatkan kumpulan penduduk yang berumur sekurang-kurangnya 19 tahun dan ke atas. Ini kerana responden dalam kategori ini mampu memberikan pandangan sendiri terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Dapatkan kajian ini dapat menilai tahap sokongan dan penglibatan penduduk Putrajaya dalam pelancongan. Analisis dan perbincangan hasil kajian ini menggunakan analisis deskriptif bagi melihat perbezaan kekerapan, peratusan dan min aspek yang dibincangkan.

Jadual 1. Sasaran lokasi pemilihan responden

| Kawasan | Lokasi |
|----------------|---|
| Rumah | • Presint 8, Presint 9, Presint 10, Presint 11, Presint 14, Presint 16 dan Presint 18 |
| Pusat Komuniti | • Presint 9 dan Presint 16, |
| Medan Selera | • Presint 8, Presint 9, Presint 11 dan Presint 16 |
| Taman-Taman | • Taman Botani dan Taman Warisan |
| Kedai Runcit | • Presint 8 dan Presint 9 |

Sumber: Kerja di Lapangan 2012

Hasil kajian dan perbincangan

Sosio demografi

Kajian ini melibatkan 200 responden yang terdiri 113 responden perempuan dan 87 responden lelaki. Majoriti responden adalah Melayu dan berstatus bujang dalam lingkungan kategori umur 20 hingga 29 tahun. Kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja dalam sektor kerajaan yang mempunyai tahap pendidikan Diploma atau O Level dengan pendapatan dalam lingkungan RM 2,000 hingga RM 2,999. Selain itu, kebanyakan responden yang ditemui menetap di Presint 9 dengan bilangan isi rumah di antara 3 orang hingga 6 orang yang mana mereka telah menetap kurang dari lima tahun (Jadual 2).

Jadual 2. Sosio demografi penduduk Putrajaya

| Aspek | Kategori | Bil | % |
|--------------------|-------------|-----|----|
| Jantina | Lelaki | 87 | 43 |
| | Perempuan | 113 | 57 |
| | Berkahwin | 103 | 51 |
| Status Perkahwinan | Bujang | 91 | 46 |
| | Janda/Duda | 6 | 3 |
| | 0-19 tahun | 6 | 3 |
| | 20-29 tahun | 91 | 45 |
| | 30-39 tahun | 74 | 37 |
| | 40-49 tahun | 16 | 8 |
| Umur | 50-59 tahun | 11 | 6 |
| | 60-69 tahun | 2 | 1 |
| | Melayu | 185 | 93 |
| | Cina | 5 | 3 |
| | India | 5 | 3 |
| Bangsa | Lain-lain | 5 | 2 |
| | Presint 8 | 34 | 17 |
| | Presint 9 | 91 | 45 |
| | Presint 10 | 5 | 2 |
| | Presint 11 | 23 | 12 |
| | Presint 14 | 18 | 9 |
| Lokasi Kediaman | Presint 16 | 16 | 8 |
| | Presint 18 | 13 | 7 |

| Aspek | Kategori | Bil | % |
|-----------------------------|--------------------|-----|----|
| Tempoh menetap di Putrajaya | Kurang 5 tahun | 117 | 58 |
| | Lebih 5 tahun | 83 | 42 |
| | Sekolah Rendah | 4 | 2 |
| | Sekolah Menengah | 26 | 13 |
| | Diploma/O Level | 90 | 45 |
| | Sarjana Muda | 67 | 34 |
| Tahap Pendidikan | Sarjana/PhD | 13 | 6 |
| | Pelajar | 26 | 13 |
| | Swasta | 58 | 29 |
| | Kerajaan | 94 | 47 |
| | Pesara | 4 | 2 |
| | Tidak Bekerja | 18 | 9 |
| Jenis Pekerjaan | Tiada pendapatan | 27 | 13 |
| | RM 900 & ke bawah | 15 | 8 |
| | RM 1,000-1,999 | 46 | 23 |
| | RM 2,000-2,999 | 59 | 30 |
| | RM 3,000-3,999 | 37 | 18 |
| | RM 4,000-4,999 | 14 | 7 |
| Pendapatan Bulanan | RM 5,000 & ke atas | 2 | 1 |
| | 0-2 orang | 18 | 9 |
| | 3-4 orang | 86 | 43 |
| | 5-6 orang | 86 | 43 |
| | 7-8 orang | 10 | 5 |

n = 200 responden (100 peratus)

Sumber: Kajian di Lapangan 2012

Penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan

Penglibatan penduduk amat penting kerana ini membantu menyemarakkan lagi sektor pelancongan di sebuah destinasi. Penglibatan penduduk dalam kajian ini dinilai dalam beberapa aspek iaitu dari segi tahap penggunaan penduduk terhadap produk dan kemudahan pelancongan, penglibatan penduduk selaku tuan rumah dalam aktiviti pelancongan dan penglibatan penduduk dalam keusahawanan pelancongan di Putrajaya. Aspek-aspek ini dinilai bagi menentukan tahap penglibatan penduduk dalam sektor pelancongan sama ada aktif atau pasif.

a) Penduduk sebagai pengguna

i) Penggunaan produk pelancongan

Berdasarkan tempat-tempat pelancongan yang dikunjungi oleh penduduk tempatan selama berada di Putrajaya, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak tempat pelancongan yang telah dikunjungi oleh penduduk. Namun, tahap penggunaan terhadap produk pelancongan ini dinilai bagi menentukan kekerapan kunjungan penduduk.

Hasil kajian mendapati hampir keseluruhan tempat atau kawasan pelancongan telah dikunjungi oleh penduduk selama mereka menetap di Putrajaya. Kebanyakan responden telah mengunjungi secara kerap terutamanya pusat membeli-belah Alamanda iaitu nilai skor min yang diperoleh adalah 3.97 berbanding Istana Melawati yang memperoleh nilai min paling rendah iaitu 1.59. Jika dilihat antara tiga tarikan yang paling memuaskan kehendak penduduk dalam kunjungan mereka ialah Pusat membeli-belah Alamanda, Dataran Putrajaya dan Tasik Putrajaya yang menjadi destinasi pilihan utama kerana kedudukannya strategik dan berhampiran (Jadual 3).

Jadual 3. Penggunaan produk pelancongan

| Tarikan | Mean | Rank |
|--|------|------|
| Pusat Membeli-belah Alamanda | 3.97 | 1 |
| Dataran Putrajaya | 3.85 | 2 |
| Kompleks Kerajaan Putrajaya | 3.71 | 3 |
| Jambatan Putera | 3.65 | 4 |
| Masjid Putera | 3.58 | 5 |
| Tasik Putrajaya | 3.43 | 6 |
| Medan Selera | 3.40 | 7 |
| Masjid Sultan Mizan | 3.37 | 8 |
| Jambatan Seri Wawasan | 3.37 | 9 |
| Jambatan Seri Perdana | 3.33 | 10 |
| Jambatan Seri Bestari | 3.31 | 11 |
| Jambatan Seri Setia | 3.26 | 12 |
| Jambatan Seri Saujana | 3.15 | 13 |
| Anjung | 3.12 | 14 |
| Taman Warisan Pertanian | 3.12 | 15 |
| Pejabat Perdana Menteri-Putra Perdana | 3.05 | 16 |
| Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) | 2.98 | 17 |
| Taman Botani | 2.91 | 18 |
| Monumen Alaf Baru | 2.71 | 19 |
| Kelab Tasik Putrajaya | 2.69 | 20 |
| Selera Putera | 2.69 | 21 |
| Souq | 2.67 | 22 |
| Umai Kafe | 2.65 | 23 |
| Cruise Tasik | 2.55 | 24 |
| Taman Wetland | 2.51 | 25 |
| Taman Cabaran | 2.44 | 26 |
| Putrajaya Seafood | 2.20 | 27 |
| Lanai | 2.13 | 28 |
| Taman Ekuastrian Putrajaya | 2.02 | 29 |
| Hotel Shangri-La | 1.99 | 30 |
| Taman Wawasan | 1.89 | 31 |
| Taman Rimba Alam | 1.86 | 32 |
| Hotel Pulman Putrajaya Lakeside | 1.85 | 33 |
| Taman Selatan | 1.75 | 34 |
| Istana Melawati | 1.59 | 35 |

n = 200 responden (100 peratus)

Sumber: Kajian di Lapangan 2012

ii) Penggunaan kemudahan pelancongan

Dari segi tahap penggunaan kemudahan pelancongan di Putrajaya, penduduk turut menikmati faedah dan kemudahan yang sama dirasai oleh pelancong tanpa mengira pangkat dan status sosial. Hasil kajian dilihat sangat memuaskan terhadap kemudahan tempat beribadat seperti masjid iaitu nilai min yang diperoleh ialah 3.42 berbanding kemudahan telefon awam yang memperoleh nilai min paling rendah iaitu 2.33. Justeru itu, pihak berkuasa perlu menyediakan lebih banyak kemudahan sokongan seperti telefon awam untuk kegunaan penduduk sewaktu kecemasan tanpa sebarang masalah (Jadual 4).

Jadual 4. Penggunaan kemudahan pelancongan

| Kemudahan Pelancongan | Mean | Rank |
|---------------------------------------|------|------|
| Taman-Taman | 3.29 | 4 |
| Hotel | 3.18 | 5 |
| Tempat ibadat (masjid) | 3.42 | 1 |
| Pusat beli-belah (pasar/kedai runcit) | 3.38 | 2 |
| Kedai makan/restoran | 3.29 | 3 |
| Pusat maklumat | 2.63 | 11 |
| Pengangkutan awam | 3.03 | 7 |
| Bank | 3.03 | 6 |
| Balai Polis | 2.92 | 8 |
| Stesen bas/teksi | 2.90 | 9 |
| Pejabat pos | 2.74 | 10 |
| Pusat siber | 2.56 | 12 |
| <i>Telefon Awam</i> | 2.33 | 13 |

n = 200 responden (100 peratus)

Sumber: Kajian di Lapangan 2012

iii) Putrajaya sebagai destinasi pelancongan

Hasil kajian menunjukkan majoriti responden (63.5%) setuju Putrajaya dijadikan sebagai destinasi Pelancongan utama negara berbanding hanya (36.5%) tidak setuju. Hal ini kerana, pelancongan di Putrajaya sedikit sebanyak dapat menarik kedatangan pelancong dan sekaligus mampu memperkenalkan Putrajaya di mata dunia. Malah, secara tidak langsung dapat menjana ekonomi negara dan mempromosi produk Malaysia ke peringkat antarabangsa. Hanya segelintir responden yang tidak bersetuju dan menganggap pelancongan akan memberi impak negatif kepada penduduk setempat. Namun demikian, pelbagai kemudahan pelancongan di Putrajaya perlu diperbaiki supaya dapat memenuhi tuntutan dan keperluan penduduk setempat (Jadual 5).

Jadual 5. Putrajaya dijadikan sebagai destinasi pelancongan utama negara

| | Bilangan | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| Tidak | 73 | 36.5 |
| Ya | 127 | 63.5 |
| Jumlah | 200 | 100 |

n = 200 responden (100 peratus)

Sumber: Kajian di Lapangan 2012

b) Penduduk sebagai tuan rumah

i) Tahap penglibatan penduduk dan ahli keluarga selaku tuan rumah

Jadual 5 merupakan perbandingan tahap penglibatan penduduk dan ahli keluarga mereka selaku tuan rumah dalam aktiviti pelancongan. Penglibatan penduduk sangat penting bagi menyokong pembangunan pelancongan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan dunia. Terdapat pelbagai jenis aktiviti dan acara telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan penduduk dan pelancong sesuai bagi semua peringkat umur dan lapisan masyarakat seperti Karnival Jom Heboh, Floria, Hari Belia, Berbasikal dan Belon Panas. Namun, kajian yang dilakukan mendapati majoriti responden (61.5%) tidak terlibat dengan program-program pelancongan yang dianjurkan di Putrajaya. Kebanyakan mereka hanya sebagai penonton acara pelancongan sahaja. Tahap sokongan yang kurang daripada penduduk ini memberi kesan dalam kemajuan

sektor pelancongan di Putrajaya pada masa akan datang. Selain itu, majoriti ahli keluarga responden turut tidak menyertai aktiviti/program pelancongan yang dianjurkan iaitu seramai 107 orang responden (53%) berbanding 93 orang responden (47%). Pelbagai alasan dikemukakan seperti tiada masa, sibuk dengan keluarga dan ingin menumpukan perhatian kepada kerja semata-mata.

Jadual 5. Penglibatan penduduk dan ahli keluarga selaku tuan rumah dalam aktiviti pelancongan

| Tahap penglibatan | Respons | Bilangan | % |
|---------------------------|---------|----------|----|
| Penglibatan Individu | Tidak | 123 | 61 |
| | Ya | 77 | 39 |
| Penglibatan Ahli Keluarga | Tidak | 107 | 53 |
| | Ya | 93 | 47 |

n = 200 responden (100 peratus)

Sumber: Kajian di Lapangan 2012

c) Penduduk sebagai usahawan pelancongan

i) Tahap penglibatan penduduk dalam keusahawanan

Penglibatan penduduk dalam aktiviti keusahawanan amat penting dalam membantu meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Hasil daripada analisis yang dilakukan, majoriti 2/3 responden (61%) tidak terlibat dalam bidang keusahawanan pelancongan di Putrajaya. Ini menunjukkan, pelancongan tidak membantu responden terlibat dalam bidang keusahawanan di Putrajaya. Hal ini disebabkan oleh kekangan masa yang dihadapi oleh responden yang kebanyakannya bekerja dalam sektor kerajaan. Seharusnya penduduk perlu merebut peluang keusahawanan yang luas dan terbuka kepada mereka. Jadual 6 menunjukkan tahap penglibatan responden dalam bidang keusahawanan.

Jadual 6. Tahap penglibatan penduduk dalam keusahawanan

| | Bilangan | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| Tidak | 122 | 61 |
| Ya | 78 | 39 |
| Jumlah | 200 | 100 |

n = 200 responden (100 peratus)

Sumber: Kajian di Lapangan 2012

ii) Merebut peluang perniagaan dalam sektor pelancongan

Lebih daripada separuh responden (75%) tidak merebut peluang perniagaan yang terdapat dalam sektor pelancongan iaitu seramai 151 orang. Hal ini kerana majoriti responden bekerja di dalam sektor awam. Hakikatnya terdapat pelbagai aktiviti dan acara yang disediakan oleh pihak Putrajaya dalam memberi faedah kepada penduduk. Manakala hanya 25% atau 49 orang sahaja yang terlibat merebut peluang ini. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan adalah dalam kalangan mereka yang menetap di luar Putrajaya dan bermiaga (Jadual 7).

Jadual 7. Merebut peluang perniagaan dalam sektor pelancongan

| Respons | Bilangan | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| Tidak | 151 | 75 |
| Ya | 49 | 25 |
| Jumlah | 200 | 100 |

n = 200 responden (100 peratus)

Sumber: Kajian di Lapangan 2012

Kesimpulan

Penglibatan penduduk dalam pelancongan amat penting kerana membantu menyemarakkan lagi sektor pelancongan di sesebuah destinasi. Penglibatan penduduk dalam kajian ini telah dinilai dalam beberapa aspek bagi melihat tahap keaktifan penduduk dalam pelancongan. Sebagai pengunjung, para penduduk melihat mereka adalah komuniti yang berpeluang melibatkan diri sebagai pengguna yang sentiasa berpeluang menyertai program atau aktiviti pelancongan. Ini kerana bagi penduduk, penawaran dan penggunaan produk serta kemudahan pelancongan yang disediakan adalah sangat memuaskan. Namun, hasil kajian mendapati penglibatan penduduk terhadap aktiviti pelancongan selaku tuan rumah dan keusahawanan adalah di tahap yang rendah atau kurang memuaskan. Kebanyakan mereka kurang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan atau program pelancongan yang dianjurkan. Kebanyakan mereka hanya sebagai penonton acara pelancongan sahaja. Ini menunjukkan, pelancongan tidak membantu responden terlibat dalam bidang keusahawanan di Putrajaya. Hal ini disebabkan oleh kekangan masa yang dihadapi responden yang kebanyakannya bekerja dalam sektor kerajaan dan mereka di dominasi oleh orang luar dalam pembabitan di bidang keusahawanan. Justeru itu, promosi yang giat dapat memastikan semua maklumat pelancongan disebarluaskan secara berkesan bagi menarik kunjungan penduduk untuk terlibat sama dalam aktiviti pelancongan. Bagi memastikan penduduk memperoleh maklumat berguna mengenai destinasi pelancongan menarik dan aktiviti pelancongan di Putrajaya.

Pelancongan di Putrajaya juga memerlukan kumpulan sasaran yang terdiri daripada kelompok komuniti itu sendiri terutama individu. Penglibatan komuniti perlu dititikberatkan dalam aktiviti pelancongan. Hal ini kerana, komuniti Putrajaya boleh dihubungkan terus berdasarkan kepada kekuatan Putrajaya itu sendiri. Sehingga kini, pelancongan di Putrajaya yang merangkumi taman, bangunan, masjid dan jambatan sebagai tarikan utama. Justeru itu, dalam memperkasakan komuniti lokal terutama bagi individu terdapat pelbagai aktiviti atau program boleh dianjurkan dalam menarik minat pelancong dan penduduk untuk berkunjung ke Putrajaya. Di mana, tujuan utama setiap program yang dijalankan adalah untuk menggalakkan penglibatan komuniti setempat serta menggalakkan pelancongan sama ada dari dalam atau luar negara untuk melawat Putrajaya yang merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Malaysia.

Rujukan

- Dowling RK (2002) *Community Attitude: Tourism Development in Natural Environment*. Penerbit CABI, United Kingdom.
- Fagence M (2002) *Tourism and Local Society And Culture*. Penerbit CABI, United Kingdom.
- Godfrey K, Clarke J (2000) *The tourism development handbook: A practical approach to planning and marketing*. Penerbit Continuum, London.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh (2008) *Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai: Impak Sosioekonomi Komuniti Setempat*. In: Yahya Ibrahim, Sulung Mohamad, Habibah Ahmad (eds) *Pelancongan Malaysia: Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persetempatan*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Haliza Abdul Rahman (2010) Penglibatan Masyarakat Peribumi Dalam Isu Berkaitan Persekutaran: Tinjauan Terhadap Suku MahMeri di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. *KEMANUSIAAN* 17, 111–134.
- Laman web Komuniti Desa. Keunikan Putrajaya. bertarikh 1 Disember 2012. Available from: <http://telecentre.my/kampungjenderamhilir/index.php/ms/pelancongan.html?start=4>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) Laporan Banci Penduduk Banci 2010.
- Malaysia (2006) Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010.
- Mathieson A, Wall G (1982). *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. Penerbit Longman, London.

- Mathieson A, Wall G (1991) *Pelancongan Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial*. Terj. Abdul Kadir Hj. Din. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mowforth M, Munt I (2003) *Tourism and Sustainability. Development and New Tourism in the Third World*. Penerbit Routledge, London.
- Nurul Azhani (2008) Kajian persepsi komuniti terpilih terhadap pelancongan sukan: Monsoon Cup, Pulau Duyung (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Omairi Hashim (2011) Transformasi Putrajaya ke Arah Bandar Hijau Pelopor Di Malaysia. Slaid. Jabatan Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya.
- Perbadanan Putrajaya a (_____) Draf Rancangan Struktur: Putrajaya 2025.
- Perbadanan Putrajaya b (_____) Rangka Tindakan Pelan Strategik KWPKB 2010-2013. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.
- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia. Abdullah Bangga dengan Indeks Pembangunan Insan Malaysia. Bernama. Bertarikh 9 November 2006. Kuala Lumpur.
- Rina Ilyana Zainal (2007) Meninjau Penglibatan Penduduk Tempatan dalam Aktiviti Pelancongan. Kajian Kes: Kampung Serkat, Pontian, Johor. (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Ryan C (1991) *Recreational Tourism: A Social Science Perspective*. Penerbit Routledge, London.
- Scheyvens R (2000) *Local Involvement in Managing Tourism*. United Kingdom: Penerbit CABI, United Kingdom.
- Timothy DJ (1999) Participatory planning: A view of tourism in Indonesia. *Annals of Tourism Research* **26** (2), 371-391.
- Yahya Ibrahim (2006) *Komuniti Melayu Pulau Tioman: Isu dan Cabaran dalam Konteks Pembangunan Pelancongan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahaya Ibrahim (2008) *Pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- ZatulIffah Mohd Fuza (2008) Motivasi Sukarelawan Pelancong: Sukarelawan Raleigh International (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.